

**Khalid Ibrahim Akui Isu Sampah Cabaran Besar Pentadbiran Selangor
Bernama
10 April , 2012**

SHAH ALAM, 10 April (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim akui bahawa isu sampah yang berbangkit pada akhir tahun lepas hingga awal tahun ini adalah antara cabaran besar sepanjang pentadbirannya di negeri itu.

Beliau berkata untuk itu, kerajaan negeri mengambil langkah sewajarnya termasuk mengambil alih sendiri kerja pembersihan dan kutipan sampah di Selangor sejak Oktober tahun lepas.

"Kita dapat kurangkan kos RM200 juta untuk kerja pembersihan dan sisa sampah di Selangor kepada antara RM150 juta ke RM160 juta dengan mengambil alih kerja-kerja itu melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri," katanya ketika berucap sempena Majlis Persidangan Anggota PBT Penggal 2012/2013 di sini.

Abdul Khalid berkata bilangan pemanggil yang membuat aduan berhubung isu sampah di seluruh Selangor juga berkurangan dari 300 kepada tujuh panggilan sehari di pusat panggilan di Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri di sini.

Beliau turut mengumumkan kerajaan Selangor memberi geran berjumlah RM500,000 hingga RM1 juta kepada semua PBT di negeri itu bagi melakukan kerja-kerja membaik pulih dan menaiktaraf jalan di kawasan pentadbiran masing-masing.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658298>